# JAS tunggu keputusan sampel air Sungai Kuang

Oleh Balqis Jazimah Zahari - Mac 6, 2021 @ 4:55pm
bhnews@bh.com.my




Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Mohd Akmal Kamarudin merasmikan Program Kempen Pengumpulan Eletrik dan Elektronik (e-waste) di Dewan Komuniti Kampung Ulu Chepor Tambahan, Chemor. - Foto NSTP/Balqis Jazimah Zahari

IPOH: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak sedang menunggu laporan daripada Jabatan Kimia sampel air Sungai Kuang, Chemor di sini yang didakwa penduduk tercemar akibat daripada sisa ternakan dari ladang lembu berdekatan.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Rosli Zul, berkata hasil siasatan awal pihaknya bersama Jabatan Veterinar yang membuat tinjauan ke lokasi, baru-baru ini mendapati berlaku pencemaran air terhadap alur sungai yang mengalir ke Sungai Kuang.

"Secara visual (pemerhatian awal) kita mendapati Sungai Kuang pada asasnya tidak terjejas tetapi yang terjejas itu ialah alur air semula jadi yang bersambung daripada kandang itu.

"Dari segi pengukuran kualiti air kita sudah mengambil sampel dan menghantarnya ke Jabatan Kimia, keputusan sampel dijangka diketahui dalam tempoh sebulan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Kempen Pengumpulan Elektrik dan Elektronik (e-waste) di Dewan Komuniti Kampung Ulu Chepor Tambahan, Chemor di sini, hari ini.

Majlis dirasmikan, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan

TERKINI PILIHAN PEMBACA
3m Hampir 140,000 sudah terima suntikan vaksin COVID-19
7m Penyertaan wanita catat kemajuan ketara - SUHAKAM
9m EU digesa tidak luluskan Sputnik sehingga disahkan selamat
13m Ibu bapa perlu patuhi jadual penyuraian murid
15m Benzema selamatkan Real Madrid
21m KSN ucap selamat Hari Wanita Sedunia buat wanita, penjawat awam
26m 'Rumah' bergerak ke pelbagai lokasi
26m Datuk Bandar letak jawatan didakwa potong giliran vaksin

VAKSIN





Hanya satu soalan mudah
Harap bantu kajian kami dan dapatkan ganjaran
×
Berapakah umur anda?
18 tahun ke bawah
18 - 24 tahun
25 - 34 tahun
35 - 44 tahun
45 - 54 tahun
55 - 64 tahun
65 tahun ke atas
VPoints: 0
Log masuk/Daftar
Menebus ganjaran (https://vodus.com)
Dikuasai oleh VODUS (https://voc

Industri Makanan) Mohd Akmal Kamarudin. Yang turut hadir, Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin.

Rosli berkata, susulan itu pihaknya sudah menasihati pihak ladang untuk tidak melepaskan air kumbahan kandang terbabit secara terus ke alur sungai, sebaliknya ke satu takungan kolam berhampiran.

"Kebetulan ada pengusaha ladang pertanian di situ dan dia bertindak untuk membuat empangan penyekat, sekurang-kurangnya dapat membantu memperlahankan 'impact' air yang masuk ke dalam Sungai

Kuang.

"Kumbahan ini tidak ini tidak mendatangkan masalah pada petani kerana seperti kita tahu najis haiwan ini adalah baja semula jadi, jadi tidak timbul isu kepada petani kerana ia boleh menjadi baja pula kepada pertanian mereka," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun, buat sementara waktu pihaknya meminta agar penduduk mengelak daripada menggunakan sumber air dari sungai itu untuk kegunaan harian selain kegunaan pertanian sehingga keputusan sampel diperolehi.

"Dari segi peruntukan undang-undang kita tidak ada, untuk tindakan segera kita mengarahkan dahulu peladang mengarahkan air alur ke kolam.

"Namun, selepas ini kita akan bekerjasama dengan pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Jabatan Veterinar untuk melihat langkah terbaik menangani masalah ini supaya pihak peladang boleh menyambung aktiviti ternakan tanpa mencemarkan alam sekitar," katanya.

Sementara itu, Rumaizi berkata, ladang ternakan haiwan itu yang sudah beroperasi sejak 30 tahun lalu mempunyai lesen yang sah.

"Sekarang ini kita sedang cari jalan yang terbaik, kita bercadang untuk mengarahkan pemilik ladang berpindah ke suatu kawasan penempatan lain. Mungkin kita kena tambah baik sistem atau ubahsuai kandang berkenaan," katanya.



NASIONAL Mac 7, 2021 @ 8:21pm
Teliti sejarah alahan sebelum suntik vaksin COVID-19



NASIONAL Mac 7, 2021 @ 6:39pm
Beberapa negeri mula pendaftaran bersemuka program imunisasi


NASIONAL Mac 7, 2021 @ 12:11pm
Dedahkan identiti VIP potong barisan suntik vaksin


NASIONAL Mac 7, 2021 @ 11:38am
Vaksin: Hampir 3 juta rakyat sudah daftar

TRENDING


BOLA 4 jam yang lepas
Man Utd tamatkan rekod kemenangan City


NASIONAL 11 jam yang lepas
PM sebak dapat masuk dalam Kaabah


NASIONAL Mac 7, 2021 @ 9:36pm
Ular sawa melengkar di bahu anak


NASIONAL Mac 7, 2021 @ 1:14pm
Laluan berusia 100 tahun ditemui di Simpang Pulai


NASIONAL Mac 7, 2021 @ 11:33am
Muhyiddin, isteri dibawa masuk ke dalam Kaabah



BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

Hanya satu soalan mudah
Harap bantu kajian kami dan dapatkan ganjaran

Berapakah umur anda?

18 tahun ke bawah
18 - 24 tahun
25 - 34 tahun
35 - 44 tahun
45 - 54 tahun
55 - 64 tahun
65 tahun ke atas

VPoints: 0
Log masuk/Daftar
Menebus ganjaran (https://vodus.com)
Dikuasai oleh (https://voc

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group


Hanya satu soalan mudah
Harap bantu kajian kami dan dapatkan ganjaran
×
Berapakah umur anda?
18 tahun ke bawah
18 - 24 tahun
25 - 34 tahun
35 - 44 tahun
45 - 54 tahun
55 - 64 tahun
65 tahun ke atas
VPoints: 0
Menebus ganjaran (https://vodus.com)
Log masuk/Daftar
Dikuasai oleh (https://voc